



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

1. Adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memastikan semua pekerjaannya dan orang-orang lain yang mungkin terlibat dalam aktiviti-aktivitinya berada dalam persekitaran kerja yang sihat dan selamat.
2. Pihak pengurusan dan pekerja akan bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dasar ini melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan.
3. Bagi tujuan ini, Kementerian ini komited untuk:
 - 3.1. **Menyedia dan menyenggarakan** suatu tempat kerja yang selamat dan sihat dengan mengambil kira kehendak-kehendak perundangan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya serta tata amalan yang diluluskan;
 - 3.2. Memastikan semua pekerja **diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan** berkenaan cara menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
 - 3.3. **Menyiasat** semua kemalangan, penyakit pekerjaan dan keracunan pekerjaan serta kejadian berbahaya yang berlaku dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan ia tidak berulang lagi;
 - 3.4. **Mempromosi** budaya kerja yang selamat dan sihat kepada warga kerja Kementerian, pembekal perkhidmatan dan barangan serta pelawat di Bangunan KPT; dan
 - 3.5. **Mengkaji semula** dasar ini dari semasa ke semasa.

.....
(DATO' DR. HAJI MEGAT SANY BIN MEGAT AHMAD SUPIAN)

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Kementerian Pendidikan Tinggi

Tarikh : 6 Julai 2023